

Headline	Ratusan bunga bakal hiasi taman		
MediaTitle	Sinar Harian (Johor)		
Date	18 Jul 2017	Color	Full Color
Section	News	Circulation	160,000
Page No	43	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	347 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,431
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,292



# Ratusan bunga bakal hiasi taman

MDT rancang bangun projek Taman Mini Ajaib di Taman Bunga Raya

TANGKAK - Taman Rekreasi Bunga Raya di bandar Tangkak di sini, bakal berwajah baharu apabila pihak Majlis Daerah Tangkak (MDT) merancang mewujudkan Taman Mini Ajaib di kawasan riadah berkenaan.

Yang Dipertua MDT, Ezahar Abu Sairan berkata, melalui pelaksanaan projek Taman Mini Ajaib itu, pelbagai jenis pokok bunga akan ditanam sekali gus berupaya mewujudkan sebuah lagi tempat menarik di daerah ini.

Menurutnya, taman rekreasi seluas hampir 1.4 hektar itu akan diserikan dengan pokok bunga pelbagai warna di laluan sepanjang kira-kira 0.62 hektar.

“Selain mengindahkan lagi kawasan riadah ini, ia juga bagi menarik pengunjung apabila satu lagi lokasi menarik diwujudkan yang menjadi nilai tambah di daerah ini,” katanya.

Ezahar berkata, pihaknya menjalinkan kerjasama dengan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim) bagi menjayakan projek Taman Mini Ajaib itu yang dijangka bermula selepas Aidilfitri nanti.

“Kita telah menerima peruntukan sebanyak RM100,000 daripada Frim dan buat masa ini jumlah sebenar pokok bunga yang bakal ditanam di situ belum dapat dianggarkan kerana ia bergantung kepada jumlah peruntukan berkenaan.

“Namun yang pasti, jenis pokok bunga yang ditanam akan mengandungi pelba-

gai warna yang mana ia boleh mencerikan pandangan orang ramai di situ,” katanya.

Beliau berkata, pemilihan lokasi di Taman Bunga Raya adalah bertepatan berikutan kawasan tersebut sering menjadi tumpuan orang ramai.

“Justeru, melalui kemeriahan yang terdapat di situ, pihak kami bersepakat untuk mewujudkan Taman Mini Ajaib di tempat berkenaan bagi mencerikan lagi pemandangan orang ramai,” katanya.

Ezahar berkata, kepelbagaian pokok bunga yang berwarna-warni di situ juga secara tidak langsung dapat menyuntik semangat baharu dan perasaan segar kepada pengunjung.

Sementara itu, seorang pengunjung, Nur Aqilah Muzli, 18, berkata, kewujudan Taman Mini Ajaib itu tentunya memberi tarikan baharu kepada orang ramai.

“Projek ini secara tak langsung mengindahkan lagi Taman Bunga Raya. Jika dilihat, fasiliti di taman rekreasi ini dulunya agak terbiar, namun sejak tahun lalu, ia mulai berubah apabila banyak kerosakan dibaik pulih.

“Jadi, dengan adanya ratusan kuntum bunga yang akan menghiasi Taman Bunga Raya nanti pastinya memberikan wajah baharu yang lebih segar,” katanya.

**INFO** ● Terima peruntukan RM100,000

● Projek dilaksanakan dengan kerjasama Frim

Headline	Ratusan bunga bakal hiasi taman		
MediaTitle	Sinar Harian (Johor)		
Date	18 Jul 2017	Color	Full Color
Section	News	Circulation	160,000
Page No	43	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	347 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,431
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,292



MDT bercadang mewujudkan Taman Mini Ajaib di Taman Bunga Raya ini.  
Gambar kecil: Ezahar (atas), Nur Aqilah.